

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 22/07/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa Lancar Pelan Strategik 2017-2050

Tarikh kemaskini: 22/07/2017



Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainuddin (kanan) melihat model projek perumahan yang dibangunkan oleh ANGKASA di KL Sentral selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-32 dan Pelan Strategik Angkasa di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) --Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) hari ini melancarkan Pelan Strategik Angkasa 2017-2050 dalam usaha memperkukuhkan pembangunan ekonomi gerakan koperasi negara.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pelan strategik itu juga bagi merealisasikan visi Angkasa untuk menjadi pemangkin pembangunan koperasi terunggul di ASEAN menjelang 2020.

"Pelan Strategik ini merangkumi empat tonggak utama iaitu Tonggak Ekonomi, Tonggak Ekosistem, Tonggak Tadbir Urus dan Tonggak Inovasi.

"Pemantauan pencapaian akan dinilai berdasarkan tiga jangka masa iaitu jangka masa pendek (2017-2020), jangka masa sederhana (2021-2030) dan jangka masa panjang (2031-2050)," katanya pada majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa ke-32 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Pelan strategik itu dilancarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Datuk Seri Hamzah Zainuddin.

Menurut pelan berkenaan, Tonggak Ekonomi bertujuan merangsang pembangunan dan daya saing gerakan koperasi berdasarkan peneraju sektor manakala Tonggak Ekosistem merangkumi pembangunan ekosistem melibatkan koperasi, pihak kerajaan, pihak swasta dan NGO yang mana Angkasa memainkan peranan penting meneraju dan merangsang penglibatan gerakan koperasi.

Tonggak Tadbir Urus merangkumi usaha membangun serta meningkatkan daya saing Angkasa dan gerakan koperasi melalui pelaksanaan sistem tadbir urus korporat dan Tonggak Inovasi merujuk kerjasama dinamik dan progresif yang mana Angkasa memainkan peranan penting meneraju penglibatan gerakan koperasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inisiatif berinovasi tinggi.

Terdahulu, ketika berucap di hadapan 4,300 anggota perwakilan ke persidangan tahunan sehari itu, Hamzah berkata beliau akan membentangkan cadangan pindaan terhadap Akta Koperasi 1993 pada persidangan Dewan Rakyat, bulan ini yang bertujuan memperkasa agenda gerakan koperasi di negara ini.

Pindaan itu katanya turut memfokuskan kaedah terbaik dalam membantu koperasi-koperasi kecil.

"Terdapat beberapa fasal dalam Akta Koperasi 1993 bakal dipinda dengan mengambil kira pandangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yang merupakan akses kepada gerakan koperasi di negara ini.

"Kita nak bantu koperasi-koperasi kecil ini agar mereka mampu menjadi satu daripada sektor yang boleh meningkatkan ekonomi domestik negara seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya," katanya.

-- *BERNAMA*